

Mohonlah Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang

Inisiatif kerajaan ringan beban pesakit buah pinggang tidak mendapat sebarang bantuan

Oleh Patricia Gari

KUCHING: Pesakit buah pinggang di negeri ini yang tidak mendapat sebarang bantuan dan subsidi digalakkan memohon Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang.

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah berkata bantuan khas berkenaan merupakan inisiatif kerajaan negeri membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di negeri ini yang memerlukan rawatan termasuk hemodialisis.

Menurutnya bagi tujuan itu kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan RM4.7 juta untuk tahun ini dan jumlah peruntukan itu tertakluk kepada semakan setiap tahun.

Beliau berkata, mereka yang layak memohon bantuan khas itu adalah daripada kalangan kumpulan B40 atau M40 dengan pendapatan perkapita tidak melebihi RM1,020 sebulan atau mengikut paras garis kemiskinan semasa.

Selain itu katanya pemohon juga haruslah bukan penjawat awam, pesara awam dan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta tidak mendapat subsidi rawatan dan bantuan pengangkutan daripada mana-mana agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Pemohon juga harus orang Sarawak, kad pengenalan status 'K' dan menetap di Sarawak. Tiada had umur untuk mendapat bantuan khas ini.

"Penerima bantuan tetapi masih memerlukan bantuan sokongan seperti bantuan pengangkutan juga boleh memohon tetapi bagi kriteria ini kita akan melihat situasi," katanya pada sidang media semasa mengadakan lawatan ke Pusat Dialisis NKF (Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan) — Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/Rotary di sini, se-

“ Pemohon juga harus orang Sarawak, kad pengenalan status 'K' dan menetap di Sarawak. Tiada had umur untuk mendapat bantuan khas ini. ”

Dato Sri Fatimah Abdullah

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

malam.

Fatimah berkata antara bantuan yang diberikan kepada pesakit yang layak ialah pemasangan Arteriovenous Fistula (AVF) RM3,000, rawatan hemodialisis sejumlah RM100 satu sesi bagi rawatan di pusat rawatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan RM200 satu sesi di pusat rawatan swasta dengan bantuan diberikan untuk 13 sesi sebulan.

Selain itu katanya, di bawah bantuan khas itu pesakit akan mendapat bantuan RM240 untuk suntikan Erythropoietin (EPO) sebulan dan RM2,800 sebulan bagi rawatan Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD).

"Di bawah bantuan khas ini kerajaan negeri juga menyediakan bantuan sokongan pengangkutan iaitu RM50 bagi satu sesi terhad kepada 13 sesi sebulan dengan keutamaan diberikan kepada pesakit di luar bandar.

"Bagi pesakit yang perlu menjalani transplan buah pinggang, kita memberi bantuan RM5,000 sekali sahaja.

"Bantuan ini bagi menampung kos pengangkutan penginapan pesakit yang perlu menjalani pemindahan buah pinggang di Kuala Lumpur dengan syor pakar nefrologi kerajaan.

"Semua bayaran akan dibayar terus kepada pusat rawatan dan agensi yang menyediakan perkhidmatan kepada pesakit," jelasnya.

Fatimah berkata, pesakit boleh mendapatkan borang di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian, Pejabat Residen dan Daerah, hospital dan klinik kerajaan atau dimuat turun dari laman

web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.

Borang yang siap diisi ujarnya, hanya boleh dikembalikan ke pejabat JKM bahagian dan mereka yang layak akan dimaklumkan.

Dalam pada itu beliau memberitahu, jumlah pesakit buah pinggang di negeri ini mencatat peningkatan agak membimbangkan dengan 250 kes baharu direkodkan setiap tahun.

"Rekod daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 2018, terdapat 3,317 pesakit buah pinggang di negeri ini dan daripada jumlah itu 2,920 menjalani rawatan hemodialisis, 275 orang menjalani CAPD dan selebihnya telah menjalani pemindahan buah pinggang.

"Ketika ini 46 peratus daripada pesakit ini mendapat rawatan hemodialisis di pusat rawatan kerajaan dengan 112 daripada 314 jumlah mesin hemodialisis berusia lebih lapan tahun dan perlu diganti dengan mesin baharu.

"Oleh itu kita memohon hospital dan klinik kerajaan di negeri ini mengemukakan permohonan untuk mendapatkan mesin baharu kerana ia termasuk dalam Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang," katanya.

Hadirsama, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti Datuk Francis Harden Holis, Ketua Pengarah Eksekutif Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Chuan Hong Wee, Presiden KAS/ Rotary Dato Sri JC Fong, Timbalan Presiden KAS/ Rotary Dr Simon Wong, Ketua Jabatan Nefrologi Hospital Umum Sarawak (HUS) Dr Clare Tan dan Pengurus Pusat Dialisis NKF KAS/ Rotary Reylene Ursula Dieter.



SANTUNI PESAKIT: Fatimah bertanya khabar kepada salah seorang pesakit yang menerima rawatan di Dialisis NKF, KAS/ Rotary sempena lawatannya ke situ semalam. — Gambar Chuan Hong Wee